

POLYLAB T-EUSOL (SOLUTION A & B)

Chlorinated Lime (2.5% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan T-Eusol (*Solution A & B*)
2. Bagaimana T-Eusol berfungsi
3. Sebelum menggunakan T-Eusol
4. Cara menggunakan T-Eusol
5. Semasa menggunakan T-Eusol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan T-Eusol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini

Apakah kegunaan T-Eusol

Untuk pembersihan luka dan ulser.

Bagaimana T-Eusol berfungsi

Menghalang pertumbuhan bakteria dan kulat.

Sebelum menggunakan T-Eusol

Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda mempunyai alahan terhadap mana-mana bahan kandungan T-Eusol *solution*.

Sebelum mula menggunakan

Sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan T-Eusol.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil ubat-ubatan lain.

Cara menggunakan T-Eusol

Berapa banyak harus digunakan

Campurkan T-Eusol (*Solution A*) dan T-Eusol (*Solution B*) dalam kuantiti yang sama sebelum digunakan.

Bila perlu digunakan

Ikut arahan pada label atau sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda.

Jika terlupa menggunakan

Sapukan sebaik ingat, jika masa sapuan sudah hampir dengan dos sapuan seterusnya, gunakan

seperti biasa. Jangan gunakan dos berlebihan untuk menggantikan dos yang terlepas.

Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Sila rujuk doktor anda dengan kadar segera untuk tindakan selanjutnya.

Semasa menggunakan T-Eusol

Perkara yang perlu dilakukan

Rujuk doktor atau ahli farmasi jika luka anda tidak sembuh. Doktor dan ahli farmasi akan menilai keperluan sama ada perlu meneruskan penggunaan T-Eusol atau tidak.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Tidak boleh ditelan. Pengambilan secara oral akan menyebabkan iritasi dan hakisan pada membran mukus selain sakit-sakit dan muntah.
- Jangan gunakan T-Eusol untuk merawat penyakit selain dari yang dinyatakan kecuali dengan nasihat doktor.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Sifat antibakteria pada klorin akan berkurangan dengan kehadiran bahan organik.
- Sedutan wasap dari T-Eusol boleh menyebabkan masalah pernafasan (iritasi saluran pernafasan dan sembab paru-paru).
- Elakkan terkena mata.

Kesan-kesan sampingan

Akan menyebabkan bengkak di sesetengah anggota badan (edema setempat), kerengsaan pada luka dan iritasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan T-Eusol

Penyimpanan

- Simpan di tempat yang kering dan suhu di bawah 30°C.

- Lindungi dari cahaya.
- Pastikan bekas ditutup rapat.

Pelupusan

T-Eusol tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk ahli farmasi anda untuk mengetahui cara pelupusan ubat yang betul. Langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

Rupa dan warna produk

T-Eusol dipek dalam dua botol;

Solution A: Mengandungi 2.5% *chlorinated lime* dalam rumusan penampan akueus.

Solution B: Mengandungi 1.2% *glacial acetic acid*.

Mengandungi tidak kurang dari 0.25% w/v klorin apabila disediakan dengan mencampurkan *Solution A* dan *Solution B* dalam kuantiti yang sama.

Bahan Kandungan Aktif:

- *Chlorinated lime*

Bahan Kandungan Tidak Aktif:

- *Sodium acetate*
- *Glacial acetic acid*
- *Deionised water*

Nombor MAL

MAL07081672XCS

Pengilang

Sanchuan Medical Sdn. Bhd.
No.72, Lengkok Rishah 2,
Taman Rishah,
Kawasan Perindustrian Silibin,
30100 Ipoh, Perak.

Pemegang Pendaftaran Produk

Polylab Biotech Sdn. Bhd.
6A, Jalan Kaskas 3,
Taman Cheras,
56100 Kuala Lumpur,
W. P. Kuala Lumpur.

Tarikh Kemaskini

08/02/2021

Nombor Siri

NPRA(R4/1)060519/00117